

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**SOALAN NO. 161**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perkembangan dan potensi pengeksportan buah durian Malaysia ke luar negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Melalui usaha secara besar-besaran, sistematik dan berterusan yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, durian dari Malaysia kini telah berjaya menembusi pasaran negara luar seperti Singapura, Hong Kong, Australia, Amerika Syarikat dan Vietnam. Durian yang dieksport ini adalah dalam pelbagai bentuk seperti biji, ulas dan pes serta produk-produk hiliran. Potensi eksport durian ini dijangka akan terus meningkat dengan aktiviti-aktiviti promosi yang dilaksanakan dari masa ke semasa ke negara-negara yang berpotensi seperti Macau, Taiwan, Jepun dan Emiriah Arab Bersatu.

Terkini, durian sejuk beku dalam bentuk biji dari Malaysia telah dibenarkan untuk dieksport ke China mulai 13 Jun 2019 yang lalu, setelah melalui proses tapisan syarat-syarat pengeksportan yang ketat. Bagi fasa permulaan ini, hanya lima (5) syarikat yang telah mendapat kebenaran untuk mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk biji ke China. Namun demikian, Kementerian telah pun mengemukakan senarai baharu meliputi sembilan (9) lagi syarikat yang telah memenuhi prosedur dan keperluan protokol pengeksportan untuk pertimbangan pihak The General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC).

## **SOALAN NO : 161**

Dari segi potensi pengeksportan, eksport durian Malaysia pada tahun 2018 telah mencatatkan nilai sebanyak RM118.22 juta, iaitu peningkatan sebanyak 67.26% berbanding RM70.68 juta pada tahun 2017. Bagi tahun 2019, pengeksportan durian dijangka akan meningkat dan mencecah nilai sekurang-kurangnya RM350 juta. Berdasarkan unjuran Kementerian, eksport durian Malaysia ke luar negara akan meningkat pada kadar malar 3.5% setahun mulai tahun 2018.

Industri durian juga berpotensi mendatangkan kesan limpahan (spillover effect) kepada ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kementerian telah mengenalpasti industri durian ini sebagai suatu Sumber Kekayaan Baharu sejak tahun 2018 lagi. Industri ini mampu mewujudkan pelbagai peluang perniagaan baru terutamanya kepada golongan agropreneur muda seperti aktiviti pengeluaran benih, penawaran perkhidmatan mentransformasikan dan menjagaan ladang serta pengeluaran pelbagai produk industri asas tani.

Selain itu, Kementerian turut menggalakkan aktiviti pelancongan berasaskan durian atau *Durio Tourism* pada musim durian. Dengan cara ini, negara berupaya menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk menikmati buah durian di dusun dan sekaligus meningkatkan permintaan dan penjualan durian dalam negara. Secara tidak langsung, aktiviti ini berpotensi untuk meningkatkan permintaan terhadap eksport durian ke lebih banyak negara pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.